

HARI MINGGU PRAPASKA KE-4 (A)

1 Samuel 16:1. 6-7. 10-13; Mazmur 22 (23). R/ v. 1; Efesus 5:8-14
Yohanes 9:1-41 (Versi Singkat, 9:1. 6-9. 13-17. 34-38.)

Tema: **YESUS KRISTUS CAHAYA DUNIA: CAHAYA IMAN, KEHIDUPAN DAN KEBAIKAN**

1. Hari ini adalah Hari Minggu Prapaska Ke-4, Tahun Liturgi A. Kita menggunakan Tahun A dan bukan Tahun C, sebab akan ada pembaptisan pada Malam Menjelang Paska! Bacaan Tahun A adalah yang sangat sesuai untuk pembaptisan!

Injil hari ini memberitahu kita bahawa Yesus adalah cahaya dunia (v.5b)! Cahaya dalam Perjanjian Baru adalah simbol kepada 3 perkara (NJB; Yoh 8:12b): (i) Cahaya simbol iman yang bertentangan dengan tidak kepercayaan iaitu kegelapan. (ii) Cahaya simbol kehidupan, kepuasan dan kegembiraan yang bertentangan dengan kematian, kesedihan dan penderitaan iaitu kegelapan. (iii) Cahaya simbol kebaikan seperti mana bertentangan dengan kejahanatan iaitu kegelapan.

Yang penting, ketiga-tiga tema ini adalah berhubungkait, iaitu, iman kepada Allah yang memberi kita kehidupan dan kehidupan dari Allah adalah kebaikan kehidupan!

Yang penting, cahaya akan mengatasi kegelapan, iman akan mengatasi ketidakkepercayaan, kehidupan akan mengatasi kematian dan kebaikan akan mengatasi kejahanatan!

Ini adalah disebabkan Yesus Kristus adalah cahaya dunia yang mengatasi setan kegelapan dunia! Dan Tuhan yang bangkit terus mengatasi kegelapan setan melalui kuasa Roh Kudus sampai ke akhir masa apabila segala kegelapan akan diatasi! Itulah masanya dunia berakhiran, iaitu, berakhirnya dunia kejahanatan!

Injil hari ini memberitahu kita bahawa Yesus adalah cahaya iman. (CCB; Lefrois). Injil memberitahu kita bahawa Yesus menyembuhkan orang buta supaya dia dapat melihat bukan sahaja secara fizikal, tetapi juga spiritual atau rohani, iaitu, dengan mata iman!

Injil memberitahu kita bahawa iman orang buta itu bertumbuh! Pada mulanya dia melihat Yesus sebagai seorang manusia, kemudian dia melihat Yesus sebagai nabi, dan akhirnya dia menyembah Yesus sebagai Tuhan! Iman para Farisi di sebaliknya, menjadi lebih teruk! Pada mulanya mereka berkata bahawa Yesus bukan Allah, dan kemudian mereka meragui bahawa mukjizat-Nya tidak pernah berlaku, dan pada akhirnya mereka memanggil Yesus seorang pendosa!

Kita harus bertumbuh dalam iman kita setiap tahun; jika tidak iman kita akan berkurangan dan terus hilang! Itulah sebabnya mengapa kita membaharui iman kita dan pembaptisan kita setiap tahun! Itulah sebabnya mengapa pada Malam Menjelang Paska kita harus menjawab 6 soalan, 3 untuk menyangkal setan dan 3 untuk mewartakan iman kita kepada Allah Bapa, Allah Putera dan Allah Roh Kudus!

Injil hari ini juga memberitahu kita mengenai pembaptisan. Injil memberitahu kita bahawa Yesus meletakkan adukan tanah ke mata orang buta dan memberitahu dia mencucinya di Kolam Siloam. Selepas mencucinya mata orang buta itu dapat melihat dengan mata iman!

Dalam pembaptisan kita juga akan diurapi dengan minyak krisma. Kita akan dicuci dengan air pembaptisan. Kita juga akan melihat dengan mata iman. Itulah sebabnya mengapa kita diberi lilin yang dinyalakan dari lilin besar Paska! Kita akan diberi cahaya iman, kehidupan dan kebaikan!

2. Pengantar Injil memberitahu kita bahawa Yesus adalah terang kehidupan! Dengan itu kita baca dalam Pengantar Injil:

“Akulah cahaya dunia. Siapa yang mengikuti Aku, akan hidup dalam cahaya kekal.” (Yoh 8:12; SM)

Bacaan kedua memberitahu kita bahawa Yesus adalah cahaya kebaikan! Justru itu kita baca dalam bacaan kedua:

“Dahulu kamu hidup dalam kegelapan, tetapi sekarang kamu hidup dalam terang Tuhan. Sebab itu hiduplah sebagai anak-anak terang, kerana terang hanya berbuahkan kebaikan dan keadilan dan kebenaran, dan ujilah apa yang berkenan kepada Allah.” (Ef 5:8-9; SM)

3. Bacaan pertama memberitahu kita bahawa Daud telah diurapi sebagai raja oleh nabi Samuel dan roh Tuhan menaunginya mulai hari itu! Justru itu kita baca bacaan pertama:

“Samuel mengambil tabung tanduk yang berisi minyak itu dan mengurapi Daud di tengah-tengah saudara-saudaranya. Sejak hari itu dan seterusnya berkuasalah Roh Tuhan atas Daud. (1 Sam 16:13; SM)

Dalam Sakramen Penguatan kita juga akan diurapi dengan minyak Krisma dan kita juga akan menerima kepuuhan Roh Kudus dan kita akan menjadi saksi Tuhan yang kuat!

4. Mazmur antarbacaan adalah tentang Gembala Baik! Mazmur antarbacaan mempunyai empat rangkap. Rangkap pertama dan kedua adalah mengenai Gembala baik. Rangkap ketiga dan keempat adalah mengenai tuan perjamuan misianik!

Perjamuan Misianik ini adalah wahyu Ekaristi! (CCB) Dan Ekaristi adalah pengharapan akan jamuan surgawi! Justru itu kita baca dalam mazmur ketiga dan keempat:

“Engkau menyediakan hidangan bagiku di hadapan segala lawanku. Engkau mengurapi kepalaku dengan minyak, pialaku penuh berlimpah. Kerelaan dan kemurahan-Mu mengiringi aku seumur hidupku. Aku akan diam di dalam rumah Tuhan sepanjang masa.” (Mzm 22 (23): 5-6; SM)

5. Pada Malam Menjelang Paska beberapa para katekumen kita akan menerima tiga Sakramen Inisiasi Kristian, khasnya, Pembaptisan, Penguatan dan Ekaristi! Dalam Pembaptisan mereka akan dilahirkan kembali dalam Roh Kudus, dalam Penguatan mereka akan dikuatkan dalam Roh Kudus dan dalam Ekaristi mereka akan terus bertumbuh dalam Roh Kudus! Itulah sebabnya mengapa pentingnya selepas Pembaptisan dan Penguatan mereka terus menghadiri Misa Kudus setiap Minggu!

Pada masa Prapaska ini Gereja meminta kita berdoa, berpuasa dan memberi sedekah kepada yang miskin untuk persiapan kita menerima ketiga-tiga Sakramen Inisiasi Kristian ini, dan untuk kita yang sudah dibaptis mempersiapkan diri kita untuk membaharu pembaptisan kita supaya kita juga mati dan bangkit bersama Yesus Kristus ke hidup baru Paska!

Hari ini adalah Minggu Prapaska Keempat. Hari ini adalah Minggu Gembira atau Minggu Bersukacita sebab kita sudah separuh jalan menuju Paska! Itulah sebabnya mengapa kita menggunakan pakaian warna pink/ros! Sukacita dan kegembiraan Minggu kepada kamu semua!

Amen!

Cadangan soalan untuk renungan perseorangan dan perkongsian dalam keluarga, dalam kumulan kecil, dan kumpulan komuniti-komuniti yang kecil:

1. Apakah kamu mempunyai cahaya iman? Apakah iman kamu bertumbuh setiap tahun? Adakah iman kamu menurun setiap tahun? Bagaimanakah kamu membuat iman kamu bertumbuh?
2. Apakah kamu mempunyai cahaya kehidupan? Apakah kamu puas hati? Adakah kamu gembira? Adakah kamu kecewa dan susah hati?
3. Apakah kamu mempunyai cahaya kebaikan? Apakah kamu baik? Adakah kamu melakukan kebaikan? Apakah kamu jahat? Adakah kamu melakukan kejahatan?

Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,

Rujukan: New Jerusalem Bible (NJB); Christian Community Bible (CCB); Sunday Missal (SM).